

# LAWATAN KEBAJIKAN MTU BAHAGIAN SUMBER MANUSIA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4469-lawatan-kebajikan-mtu-bahagian-sumber-manusia](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4469-lawatan-kebajikan-mtu-bahagian-sumber-manusia)



7 Feb 19 - PS 2 Urus LLP, Mej Mohd Zulfadhl bin Mohd Jamil mewakili AKS Sumber Manusia bersama pegawai dan Staf Bahagian Sumber Manusia telah membuat lawatan kepada Sjn U Hadzlin Sanie bin Ibrahim dari Seksyen Urus LLP di Hospital Tunku Fauziah, Kangar berikutan kemalangan jalan raya yang telah meragut nyawa kedua ibu bapa beliau semasa Cuti Perayaan Tahun Baru Cina.

Turut mengalami kecederaan pada kemalangan yang sama adalah adik beliau iaitu LU I Mohd Nor Iman bin Ibrahim dari unit PU Subang yang masih dalam trauma berikutan kejadian tersebut.

Seluruh warga TUDM merakamkan ucapan takziah kepada beliau serta keluarga di atas pemergian insan tersayang. Semoga roh kedua ibu bapa beliau dirahmati dan ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.

Al-Fatihah.